



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA  
ARKIB NEGARA MALAYSIA

## SIARAN MEDIA

### BICARA PERPADUAN: BERMUKUN

---

**KUCHING:** 22 Mei 2023 – Arkib Negara Malaysia telah mengadakan program Bicara Perpaduan yang bertajuk Bermukun bersama Dr. Haji Zainal Abiddin Haji Masleh, pensyarah di Institut Pengajian Guru Kampus Batu Lintang dan Haji Razali bin Haji Yu, di Kuching Waterfront pagi ini.

Program selama tiga jam tersebut adalah salah satu pengisian program Minggu Perpaduan Negara Peringkat Kebangsaan Tahun 2023 oleh Arkib Negara Malaysia selain program Bicara Sejarah: Iban Trackers yang telah diadakan semalam di lokasi sama.

Bermukun adalah aktiviti hiburan yang melibatkan elemen berpantun serta menggunakan alatan muzik seperti gendang ketika berlangsungnya majlis perkahwinan dan ia masih diselitkan dalam kebanyakan majlis perkahwinan di negeri Sarawak.

Arkib Negara Malaysia memilih Bermukun berdasarkan kesesuaian negeri Sarawak yang terus mengamalkan tradisi ini dan dapat memberi peluang kepada orang ramai yang hadir untuk mengetahui sejarah dan memahami perkongsian mengenai salah satu seni warisan Sarawak yang unik.

Program bicara ini juga diadakan bertujuan untuk mendokumentasikan serta memelihara data dan maklumat sejarah negara bagi mengisi jurang sumber bertulis yang terdapat dalam simpanan Arkib Negara Malaysia.

Selain itu, bahan dokumentasi yang dikumpulkan ini dapat digunakan sebagai rujukan dan penyelidikan generasi kini dan akan datang.

#### **Arkib Negara Malaysia**

Tarikh : 22 Mei 2023  
Emel : [pro@arkib.gov.my](mailto:pro@arkib.gov.my)  
Rujukan : ARKIB.100-9/1/1(74)